Volume II
No. 5

Monday
9th August, 1965

# PARLIAMENTARY DEBATES

## DEWAN NEGARA (SENATE)

## OFFICIAL REPORT

## (SECOND SESSION OF THE SECOND DEWAN NEGARA)

### CONTENTS

**ANNOUNCEMENT BY MR PRESIDENT:**
**Message from the House of Representatives [Col. 617]**

**BUSINESS OF THE SENATE [Col. 617]**

**ADJOURNMENT TO A LATER DATE (Motion) [Col. 617]**

**BILL—**
**The Constitution and Malaysia (Singapore Amendment) Bill [Col. 618] [Col. 646]**

**EXEMPTED BUSINESS (Motion) [Col. 645]**

DI-CHETAK DI-JABATAN CHETAK KERAJAAN
OLEH MOKHTAR BIN HAJI SHAMSUDDIN, PENGUASA
JOHOR BAHRU
1967

*Harga*: 50 sen

MALAYSIA

# SECOND DEWAN NEGARA (SENATE)

## *Official Report*

Vol. II Second Session of the Second Dewan Negara No. 5

*Monday, 9th August, 1965*

*The Senate met at half-past two o'clock p.m.*

PRESENT:

The Honourable Mr President, DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMED YASIN, S.P.M.J., P.I.S., J.P. (Johore).

" ENCHE' A. ARUNASALAM, A.M.N. (Appointed).

" ENCHE' ABDUL RAHMAN BIN AHMAD (Perlis).

" ENCHE' ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Appointed).

" ENCHE' ABDUL WAHAB BIN IDUS, P.J.K. (Negri Sembilan).

" TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N. (Penang).

" ENCHE' AHMAD BIN HAJI TAFF, J.M.N. (Singapore).

" CHE' BIBI AISHA BINTI HAMID DON, A.M.N. (Appointed).

" ENCHE' AMALUDDIN BIN DARUS (Kelantan).

" ENCHE' AWANG DAUD MATUSIN (Appointed).

" DATU TUANKU BUJANG BIN TUANKU HAJI OTHMAN (Sarawak).

" ENCHE' CHAN KWONG-HON, J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).

" ENCHE' CHEAH SENG KHIM J.P. (Penang).

" DATO' DR CHEAH TOON LOK, D.P.M.K., D.M.K., J.M.N., J.P. (Appointed).

" DATO' J. E. S. CRAWFORD, J.M.N., J.P., Dato' Kurnia Indera (Appointed).

" ENCHE' DA ABDUL JALIL BIN HAJI AWANG (Trengganu).

" ENCHE' D. S. DORAI RAJ (Appointed).

" DATO' FOO SEE MOI, D.P.M.K., J.P. (Appointed).

" ENCHE' GAN TECK YEOW, J.M.N. (Appointed).

" ENCHE' HOH CHEE CHEONG, A.M.N., J.P. (Pahang).

" ENCHE' C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Appointed).

" ENCHE' ANDREW JIKA LANDAU (Appointed).

" ENCHE' KOH KIM LENG (Malacca).

" DATO' LEE FOONG YEE, J.M.N., P.P.T., J.P. (Negri Sembilan).

" DATO' Y. T. LEE, D.P.M.S., J.M.N., P.J.K., J.P. (Appointed).

" ENCHE' LIM HEE HONG, J.M.N. (Appointed).

" ENCHE' MOHAMAD ADIB BIN OMAR (Trengganu).

The Honourable DATU PENGIRAN MOHAMED DIGADONG GALPAM, P.D.K. (Sabah).
,, DATO' HAJI MOHAMED NOAH BIN OMAR, P.M.N., S.P.M.J., D.P.M.B., P.I.S., J.P. (Appointed).
,, ENCHE' MOHAMED SALLEH BIN MOHAMED ARIFF (Malacca).
,, ENCHE' ATHI NAHAPPAN (Appointed).
,, NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, J.M.N. (Appointed).
,, TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Appointed).
,, ENCHE' SAIDON BIN KECHUT, A.M.N. (Appointed).
,, DATO' SHEIKH ABU BAKAR BIN YAHYA AL-HAJ, D.P.M.J., P.I.S., J.P. (Johore).
,, TUAN SYED AHMAD BIN SYED MAHMUD SHAHABUDIN, J.M.N. (Kedah).
,, ENCHE' WILLIAM TAN (Appointed).
,, DATO' T. H. TAN, P.M.N. (Appointed).
,, DATO' TEH SIEW ENG, D,P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Appointed).
,, DATO' E. E. C. THURAISINGHAM, D.P.M.J., J.P. (Appointed).
,, ENCHE' S. O. K. UBAIDULLA, J.M.N. (Appointed).
,, DATO' WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
,, WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Kedah).
,, ENCHE' YAHYA BIN HAJI AHMAD (Perak).
,, ENCHE' YEOH KIAN TEIK (Perak).

ABSENT:

The Honourable the Minister without Portfolio, DATO' ONG YOKE LIN, P.M.N. (Appointed).
,, CHE' AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI (Appointed).
,, DATU JOSEPH AUGUSTINE ANGIAN ANDULAG, P.D.K. (Sabah).
,, ENCHE' CHOO KOK LEONG (Appointed).
,, ENCHE' HONG TECK GUAN (Appointed).
,, ENCHE' KHOO TECK PUAT (Appointed).
,, ENCHE' KO TECK KIN (Singapore).
,, TUAN HAJI MOHAMED SAID BIN HAJI ABU BAKAR (Appointed).
,, ENCHE' S. P. S. NATHAN (Appointed).
,, TEMENGGONG OYONG LAWAI JAU (Sarawak).
,, RAJA RASTAM SHAHROME BIN RAJA SAID TAUPHY (Selangor).
,, DATO' G. SHELLEY, P.M.N., J.P. (Appointed).
,, WAN AHMAD BIN WAN DAUD, J.M.N., P.J.K., J.P. (Perlis).

IN ATTENDANCE:

The Honourable the Deputy Prime Minister, Minister of Defence and Minister of National and Rural Development, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSEIN, P.M.N. (Pekan).

The Honourable the Minister of Finance, ENCHE' TAN SIEW SIN, J.P. (Melaka Tengah).

„ the Minister of Education, ENCHE' MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).

„ the Minister for Local Government and Housing, ENCHE' KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).

„ the Minister of Lands and Mines, ENCHE' ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB (Sarawak).

# PRAYERS

(Mr President *in the chair*)

# ANNOUNCEMENT BY MR PRESIDENT

## MESSAGE FROM THE HOUSE OF REPRESENTATIVES

**Mr President:** Ahli² Yang Berhormat, saya suka memberitahu Majlis ini bahawa saya telah menerima satu perutusan daripada Majlis Dewan Ra'ayat. Sekarang saya jemput Setia-usaha Majlis membachakan perutusan itu.

(Whereupon the Clerk reads the following message):

"Mr President,

The house of Representatives has passed the Bill to amend the Constitution of Malaysia and the Malaysia Act.

(Sgd.) C. M. Yusuf
*Speaker*"

# BUSINESS OF THE SENATE

**Dato' T. H. Tan:** Mr President, Sir, I beg to give notice that I will move the second and third readings of the Constitution and Malaysia (Singapore Amendment) Bill at this meeting of the Senate.

## ADJOURNMENT TO A LATER DATE

(MOTION)

**Dato' T. H. Tan:** Mr President, Sir, I beg to move that at its rising today the Senate shall stand adjourned until 10.00 a.m. on Monday, 16th August, 1965.

**Dato' Y. T. Lee:** Dato' Yang Di-Pertua, saya menyokong.

Question put, and agreed to.

Resolved,

That at its rising today the Senate shall stand adjourned until 10.00 a.m. on Monday, 16th August, 1965.

# BILL

## THE CONSTITUTION AND MALAYSIA (SINGAPORE AMENDMENT) BILL

### Second Reading

**Dato' T. H. Tan:** Mr President, Sir, I beg to move that a Bill intituled "an Act to amend the Constitution of Malaysia and the Malaysia Act" be now read a second time.

**Dato' Y. T. Lee:** Dato' Yang Di-Pertua, saya menyokong.

**The Deputy Prime Minister (Tun Haji Abdul Razak):** Tuan Yang Di-Pertua, pada hari ini Dewan Negara ini ada-lah di-minta menimbangkan satu Rang Undang² yang bernama 'The Constitution and Malaysia (Singapore Amendment) Act, 1965'. Dan Rang Undang² ini telah di-luluskan oleh Dewan Ra'ayat pada pagi ini. Sa-belum Dewan Ra'ayat menimbangkan Rang Undang² ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuat satu perishtiharan yang sangat penting kapada Dewan Ra'ayat dan kapada negara kita ini, ia-itu berkenaan dengan keputusan yang telah di-ambil oleh Kerajaan Pusat dan juga Kerajaan Singapura supaya Singapura itu di-keluarkan daripada Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saperti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata pagi tadi, ini-lah satu perishtiharan yang sangat menyedehkan diri-nya sendiri dan di-perchayaï menyedehkan seluroh ra'ayat negara kita ini. Dan ini-lah satu perishtiharan

yang ta' dapat tiada akan mengejutkan bukan sahaja Ahli² Dewan Ra'ayat dan Dewan Negara, bahkan seluroh pendudok di-negara kita ini. Jadi, Tuan Yang Di-Pertua, pehak Kerajaan Pusat, Kerajaan Malaysia, telah bersetuju hendak mengambil langkah ini dengan ada beberapa sebab dan perkara ini Kerajaan Malaysia telah menimbangkan dengan sa-halus²-nya.

Semenjak Malaysia di-tubohkan dekat dua tahun dahulu, sunggoh pun pehak Kerajaan Pusat telah menchuba dengan sa-berapa daya upaya hendak bekerjasama dengan Kerajaan Singapura, Kerajaan P.A.P. Singapura, tetapi tidak dapat kerjasama yang sempurna. Jadi sa-hingga kapada sa'at yang akhir ini pada masa Yang Teramat Mulia Perdana Menteri berada di-London dan pada masa dia uzor di- hospital London, saya chuba juga mengadakan perundingan dengan Perdana Menteri Singapura dan rakan²-nya untok menchari jalan supaya dapat di-adakan kerjasama di-antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Singapura. Tetapi dukachita tidak dapat di-adakan persetujuan atau pun kerjasama. Jadi dalam beberapa bulan yang telah lalu, di-sebabkan oleh chakapan² yang ditimbulkan oleh ketua² di-Singapura dan chakapan² itu terpaksa di-jawab oleh ketua² di-sini, maka perkara ini telah menimbulkan perasaan tidak puas hati dan juga perasaan tidak di-ingini di-antara pendudok² di-negara kita. Oleh itu pada pendapat Kerajaan Pusat kalau-lah keadaan yang samacham ini berpanjangan neschaya akan timbul huru-hara di-dalam negara kita ini dan akan timbul pechah-belah di-antara bangsa² yang dudok dalam negara kita.

Sa-telah memikirkan perkara² ini bahawa jika tidak di-ambil satu langkah yang tegas neschaya keadaan yang tidak di-ingini akan berlaku, pehak Kerajaan Pusat telah mengambil keputusan bahawa ada satu sahaja jalan ia-itu mustahak-lah Singapura dikeluarkan daripada Malaysia, dan langkah ini telah di-persetujukan oleh pehak Kerajaan Singapura dan satu Perjanjian yang di-tanda-tangani oleh beberapa orang Menteri dari Kerajaan Pusat dan di-tanda-tangani oleh semua sa-kali Ahli² Jema'ah Menteri Kerajaan Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa kita menubohkan Malaysia dahulu, Yang Teramat Mulia Perdana Menteri dan juga Menteri² dari Kerajaan Pusat ada-lah mempunyai chita² yang tinggi terhadap negara kita ia-itu chita² hendak menubohkan Malaysia supaya menjadi satu negara yang aman, maju dan ma'amor dan hendak menjadikan Singapura itu sa-bagai New York kapada Malaysia ini. Akan tetapi, sunggoh pun telah di-nasihatkan ia-itu penganjor² Singapura itu patut-lah mentadbirkan Singapura itu dengan sempurna dan tidak-lah menjalankan politik² yang tidak di-ingini yang boleh menimbulkan perselisehan faham diantara pendudok² negeri ini, akan tetapi nasihat² itu, yang di-beri oleh Perdana Menteri, tidak-lah di-terima dan di-ikuti oleh Ketua² Kerajaan P.A.P. di-Singapura. Dan saperti saya katakan tadi dalam beberapa bulan yang lalu telah timbul beberapa perchakapan² yang tidak di-ingini dan dengan sebab itu-lah pada ketika ini keadaan perhubongan di-antara bangsa² di-negara kita ada-lah genting. Jadi, sa-telah memikirkan perkara ini dengan sebab itu-lah terpaksa di-ambil langkah yang tersebut yang terkandong dalam Pindaan Perlembagaan yang di-hadapan Ahli² Yang Berhormat sekalian.

Bagitu juga-lah beberapa bulan yang telah lalu berbagai²-lah di'ayah yang telah di-datangkan oleh pehak Ketua² Kerajaan Singapura terhadap Kerajaan Pusat. Di'ayah yang di-perbuat bukan sahaja dalam negeri bahkan di-luar negeri juga yang mengatakan yang Kerajaan Pusat ini ada-lah menyebelah satu kaum sahaja dan tidak 'adil kapada pehak orang² China dan bangsa² asing. Jadi di'ayah yang sa-macham ini ada-lah memburokkan kedudokan Kerajaan Pusat di-sisi bangsa² di-dunia ini. Dan bagitu jugalah pada masa Yang Teramat Mulia Perdana Menteri berada di-London baharu² ini, dia telah berchakap

dengan beberapa ahli[2] akhbar di-sana nampak-nya mereka itu ada-lah tertarek kapada di'ayah yang di-perbuat oleh pehak Enche' Lee Kuan Yew dan Kerajaan P.A.P. itu dan nampak-nya kalau perkara itu di-biarkan berpanjangan tentu susah bagi Kerajaan Pusat ini hendak mengatasi-nya, hendak memberi penerangan[2] di-luar negeri, hendak membaiki keadaan atau pun *image* Kerajaan Pusat ini.

Jadi, bagitu juga-lah nampak-nya perhubongan di-antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Singapura itu tidak dapat hendak di-baiki di-sebabkan ada dalam satu negara dua Perdana Menteri—ada Perdana Menteri Malaysia, ada pula Perdana Menteri Singapura. Jadi, Perdana Menteri Singapura itu sentiasa hendak mensifatkan diri-nya sebagai Perdana Menteri di-seluroh Malaysia, dan bagitu juga-lah ada kuasa[2] asing yang memberi galakan kapada Perdana Menteri Singapura itu supaya mensifatkan diri-nya itu sabagai Perdana Menteri di-Malaysia ini. Jadi dengan keadaan yang di-terangkan itu-lah kita terpaksa mengambil langkah yang penting ini dan saya tidak dapat-lah hendak terangkan lagi satu persatu, sebab[2]-nya kerana ada banyak. Jadi dengan sebab[2] yang saya sebutkan tadi dan sebab yang lain juga maka di-fikirkan tidak dapat lagi Kerajaan Pusat hendak mengadakan kerjasama yang sempurna dengan Kerajaan Singapura.

Sa-balek-nya berkenaan denagn Sabah dan Sarawak semenjak ditubohkan Malaysia, Kerajaan Sabah dan Sarawak dan ra'ayat Sabah dan Sarawak ada-lah memberi kerjasama yang sangat memuaskan hati kapada Kerajaan Pusat, dan nampak-nya Sabah dan Sarawak ada-lah termasok ia-itu sesuai dengan negara[2] yang lain di-Malaysia ini. Jadi dengan sebab itu-lah terpaksa di-ambil langkah yang tersebut itu. Sunggoh pun saya katakan tadi langkah ini sangat mendukachitakan kita, tetapi tidak ada jalan lain hendak menyelamatkan negeri kita ini, sebab dengan apa chara sa-kali pun terpaksa-lah di-selamatkan ra'ayat negeri ini dan negara yang kita kasehi ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, telah di-adakan saperti saya katakan tadi Perjanjian dengan Kerajaan Singapura ia-itu Singapura ini ada-lah di-keluarkan daripada Malaysia menjadi satu negara yang merdeka dan berdaulat. Akan tetapi, Kerajaan Singapura telah bersetuju di-adakan satu Perjanjian Pertahanan dengan Kerajaan Malaysia. Kerajaan Malaysia bertanggong-jawab bagi mempertahankan Singapura dan Kerajaan Singapura hendak-lah memberi atau pun menyerahkan tentera[2]-nya untok di-gunakan bagi mempertahankan Malaysia ini; dan bagitu juga di-persetujukan hendak di-adakan satu Joint Defence Council bagi dua buah negara itu bagi menjaga perkara[2] pertahanan bagi dua negara itu dan bagitu juga di-persetujukan Kerajaan Malaysia ada berhak mempunyai Base atau pun Military Bases yang ada sekarang ini di-Singapura dan boleh menggunakan Base[2] atau Pengkalan Tentera itu dengan apa chara pun yang di-fikirkan patut oleh Kerajaan Malaysia untok mempertahankan Singapura dan juga Malaysia. Dan bagitu juga-lah ada satu sharat lagi yang mengatakan yang Kerajaan Singapura dan Kerajaan Malaysia juga tidak boleh membuat Perjanjian dengan mana[2] negeri yang berlawanan atau bertentangan dengan Perjanjian Pertahanan yang telah di-persetujukan itu. Dan lagi berkenaan dengan perkara[2] yang lain ia-itu berkenaan dengan Common Market yang sudah masok dalam Malaysia Agreement itu telah di-batalkan dan bagitu juga-lah berkenaan dengan kuasa Kerajaan Pusat terhadap radio dan talivishen di-Singapura itu pun di-batalkan. Jadi, ini berma'ana-lah Singapura ada-lah keluar daripada Malaysia.

Akan tetapi di-harapkan keluaran Singapura itu tidak-lah akan membimbangkan mana[2] pehak, terutama sa-kali kapada ra'ayat[2] Malaysia yang lain, kapada ra'ayat[2] Sabah dan Sarawak. Saperti saya sebutkan tadi, Kerajaan Pusat ada-lah sangat puas hati dengan chara kerjasama yang di-dapati daripada Kerajaan dan juga ra'ayat[2] Sabah dan Sarawak dan Kerajaan Pusat ada-lah berazam

hendak menjalankan ranchangan² kemajuan dan memberi pertolongan kapada negeri² Sabah dan Sarawak supaya pendudok² di-dua² negara itu akan dapat menerima faedah² daripada kemerdekaan dan kemajuan negara kita saperti ra'ayat di-Semenanjong Tanah Melayu ini. Bagitu juga-lah kapada ra'ayat Singapura yang dahulu-nya menyokong Malaysia ini yang sekarang pun ada memberi kerjasama kapada pehak Kerajaan Malaysia ini, saya harap mereka itu tidak merasa hampa dengan langkah yang di-ambil ini dan dalam perundingan dengan Perdana Menteri Singapura telah di-persetujukan ia-itu mereka itu semua akan di-beri layanan dan jagaan yang sa-patut-nya. Bagitu juga-lah jika sa-tengah² daripada mereka ini merasa tidak puas hati barangkali tidak sedap hendak dudok di-Singapura dan suka hendak berpindah ka-Malaysia ini, pehak Kerajaan telah menjalankan perundingan dengan Kerajaan Johor, telah mendapat persetujuan hendak mengadakan tanah untok mereka itu, menyediakan rumah² bagi mereka itu hendak dudok dan diam di-Johor. Jadi dengan apa chara pun akan di-beri-lah pertolongan kapada mereka itu. Dan bagitu juga-lah berkenaan dengan perjalanan antara pendudok² di-Malaysia dengan Singapura sekarang ini ada-lah bebas—pendudok² di-Semenanjong Tanah Melayu hendak masok Singapura dan pendudok Singapura hendak masok ka-Tanah Melayu. Akan tetapi Singapura sekarang sudah keluar daripada Malaysia, tentu-lah akan di-adakan satu peratoran yang baharu berkenaan dengan hal ini. Akan tetapi bagi sementara ini keadaan sa-macham ini berjalan terus sa-hingga dapat di-adakan Border Pass atau pun Passport bagi menjaga, menchegah orang² yang tidak di-kehendaki keluar masok negara kita.

Saperti saya kata tadi, Tuan Yang di-Pertua, sunggoh pun langkah yang di-ambil ini langkah yang mendukachitakan kita, akan tetapi Kerajaan Perikatan berpendapat tidak ada lagi jalan yang lain untok hendak menyelamatkan pendudok² di-negeri ini dan di-harapkan dengan ada-nya perubahan ini dapat kedua² kerajaan, ia-itu Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Singapura, mengadakan kerjasama yang lebeh sempurna. Kita semua tahu Ahli² Yang Berhormat faham dan mengetahuï bahawa Singapura dengan Malaysia, terutama sa-kali dengan Tanah Melayu, ada mempunyaï perhubongan yang rapat dalam semua lapangan. Jadi mustahak bagi faedah pendudok di-dua negara itu di-adakan kerjasama yang rapat di-antara negara² itu. Dengan sebab itu-lah satu daripada sharat dalam perjanjian itu di-tentukan ia-itu kedua² kerajaan mengaku hendak mengadakan kerjasama dalam lapangan iktisad di-antara dua negara itu supaya dapat di-adakan jawatan²-kuasa bagi menjalankan ranchangan dalam lapangan iktisad, perniagaan untok faedah kedua² negara. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, ini dia-nya yang saya suka hendak beri kapada Dewan ini berkenaan dengan Rang Undang² yang di-bentangkan dalam Dewan ini. Jadi saperti saya katakan tadi ini satu langkah yang penting dan mustahak yang terpaksa di-ambil oleh Kerajaan Perikatan, jadi sangat mustahak-nya undang² ini di-luluskan dengan sa-berapa segera. Kerana mustahak perkara ini berjalan kuat-kuasa pada hari ini juga. Dengan sebab itu saya berharap Rang Undang² ini mendapat persetujuan daripada Dewan. Terima kaseh.

**Mr President:** Usul atau Rang Undang² The Malaysian Act supaya di-bachakan yang kedua kali-nya, terbuka di-bahathkan oleh Ahli² Yang Berhormat.

**Enche' Amaluddin bin Darus:** Tuan Yang di-Pertua, di-hadapan kita ini satu usul yang sangat mendukachitakan saya, saperti mana sudah di-sebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan bagi saya satu usul yang memeranjatkan oleh kerana telah berlaku chara tiba², ia-itu jemputan meshuarat hari ini di-buat dengan panggilan Taligram. Tetapi mengeluarkan Singapura daripada Persekutuan Malaysia tidak-lah memeranjatkan bagi pehak kami dari Persatuan Islam. Sudah semenjak

dahulu pun, semenjak ura² Malaysia akan di-jalankan, semenjak Malaysia di-buat, terus di-buat, dan semenjak Malaysia mulaï di-buat kami tetap mengatakan kemasokan Singapura ka-dalam Malaysia sama saperti memasokkan sarang tabuan di-dalam kelambu kita sendiri. Dan tabuan itu mula menggigit kita di-sana sini, menyebabkan kita mula memikirkan mengeluarkan kembali sarang tabuan itu. Tuan Yang di-Pertua, Singapura ia-lah satu perkataan Singa dan Pura. Singa satu binatang, pura arti-nya Istana atau Kota bandar di-tepi laut. Ini berasal daripada perkataan Melayu tua. Orang yang menamakan-nya ia-lah Sang Nila Utama. Tidak terfikir dalam otak-nya zaman dahulu, pada satu ketika kemudian sa-orang bernama Lee Kuan Yew akan menjadi Perdana Menteri dan bermaharajalela di-Pulau Singapura dan demikian juga Tuan Sir Stamford Raffles yang menjadi wakil penjajah Inggeris membuka Singapura pun tidak terfikir yang Lee Kuan Yew akan bermaharajalela di-Singapupra hingga keadaan itu mencheraikan Negeri² Melayu sama sendiri. "Singapore not belong to the Chinese but belonged to Malays". Tetapi sekarang Tuan Yang di-Pertua, ini ada-lah satu trajidi, satu problem yang akan bersambong². Problem ini bukan antara Malaysia dengan Singapura, bukan berkisar antara Malaysia dengan Singapura sahaja tetapi seluroh Tenggara Asia masa hadapan. Tuan Yang di-Pertua, pehak saya menyokong sa-kuat²-nya Bill ini dan memperchayaï kapada Kerajaan Perikatan melaksanakan segala kebijaksanaan-nya bagi menyelesaikan sa-suatu yang belum selesai termasok segala yang di-suarakan sa-bentar tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengenaï soal Border Pass atau Passport yang pernah tiga empat tahun dahulu saya telah menyebut sa-belum ada Malaysia bahawasa-nya ra'ayat Singapura dengan ra'ayat Malaya mesti ada Border Pass antara satu sama lain dalam keluar masok. Chuma Tuan Yang di-Pertua barangkali kita terlalu gentlemen dengan memberi beberapa jaminan peri kemanusiaan untok melayan negara Singapura yang di-perentah oleh sa-gulong orang² yang ta' sesuai sama sa-kali dengan kita. Sementara itu, kepentingan penjajah Inggeris maseh bertapak dalam negeri kita ini. Sunggoh pun saya support Rang Undang² ini, tetapi saperti yang telah saya katakan di-dalam sidang Dewan Negara yang lalu, penyelesaian tidak boleh di-dapati melainkan melaluï tiga. Jadikan Inggeris itu kawan kita bukan tuan kita. Hidupkan kembali Maphilindo. Ketiga baru dapat di-selesaikan perkara Lee Kuan Yew. Tiga masaalah ini mesti di-selesaikan satu demi satu. Tetapi kita belum menghadapi masaalah ini dan Kerajaan tidak sanggup bertindak ka-arah itu. Hanya sa-kadar mengeluarkan Singapura daripada Persekutuan, itu-lah sahaja keberanian Kerajaan bagi menghilangkan sakit kepala. Dengan Bill ini kurang-lah beban sadikit, saperti kita makan Aspro. Tetapi saya perchaya tentu-lah akan timbul lagi dari satu masa ka-satu masa dari pulau kechil itu boleh mengachau saperti Sun Yat Sen telah menggonchang Kerajaan Mancho di-negeri China beberapa tahun yang lalu. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua kita hendak-lah berhati². Saya mengalu²kan langkah Kerajaan yang telah menyatakan sedia untok memberi peluang untok ra'ayat² Singapura berhijrah ka-Johor. Tetapi saya rasa kalau satu² keadaan menyeret dan menyusahkan Malaya oleh perbuatan Perdana Menteri Lee sekarang ini, saperti menimbulkan soal kechinaan dan sa-bagai-nya. Saya harap dewan ini akan menyertaï saya, sebab-nya saya ini bukan-lah anti-China, sebab China itu keturunan Adam saperti bangsa Melayu juga keturunan Adam. Tetapi menimbulkan soal² ini sa-olah² mengatakan Singapura itu negeri China. Singapura ada-lah hak orang Melayu, kerana itu paling dukachita perpisahan ini berlaku, kerana ia-nya bererti memisahkan Melayu dengan Melayu, yang tidak patut di-buat oleh Melayu. Jika Singapura, Tuan Yang di-Pertua, akan menambahkan kesulitan kita dengan pemisahan ini, maka hendak-lah kita berlaku adil kapada diri sendiri. Berlaku adil

kapada diri sendiri ada-lah satu perkara yang patut, yang tidak patut ia-lah berlaku zalim pada diri kita sendiri. Kalau Singapura terus melakukan kekachauan subversive yang terkenal dengan subversive² element di-sana, kita putuskan sahaja hubongan dengan dia, kita jadikan pelabohan besar di-Selat Kelang, dan lain² untok semua barang² import dan export. Biarkan Singapura menjadi pulau nelayan. Kalau ada siapa² yang mahu berpindah dari Singapura, biarlah Alex Josey berikhtiar memindahkan mereka dari Singapura ka-England atau ka-Australia. Dan Lee Kuan Yew yang mendapat sokongan² England dan Australia boleh ikut bersama. Let them go out, kemudian kita wujudkan kembali Singapura untok bangsa Melayu. Kerana Singapura ia-lah dibuka oleh Sang Nila Utama untok Melayu, bukan untok Lee Kuan Yew. Sekian, terima kaseh.

**Enche' Ahmad bin Haji Taff:** Dato' Yang di-Pertua, pada kali ini saya rasa saya-lah sa-orang ahli dari Singapura yang sangat terharu dan sedeh atas keadaan yang kita hadapi sekarang dengan ada-nya Bill yang di-kemukakan di-dalam Dewan ini. Bagi saya, Dato' Yang di-Pertua, yang datang dari Singapura, ada-lah menyedehkan dengan kelulusan Bill ini, membuat Singapura berpisah dari Malaysia. Kita orang² Melayu khas-nya, dan lain² ra'ayat di-Singapura, yang perchaya kapada Malaysia yang mempunyaï harapan penoh dengan pembentokan Malaysia pada dua tahun yang lepas, dapat menyelamatkan kita di-Singapura daripada segala²-nya termasok-lah fahaman² yang sempit atau fahaman yang chauvinistic. Kita orang² Melayu khas-nya sedar yang kita ada-lah kaum yang kechil dan minority di-sana dan tidak lain tujuan kita melainkan mengharapkan perubahan keadaan hidup menuju kapada kema'amoran, kebahagiaan, sa-bagaimana yang ada pada kaum² yang lain di-Singapura itu. Kita tidak berniat hendak mengambil kuasa atau menjadi Perdana Menteri di-Pulau Singapura itu. Dan kita tidak pula iri hati yang pemimpin Kerajaan negeri itu ada-lah keturunan China, Enche' Lee Kuan Yew. Kita sedar bahawa kedudokan kita sa-bagai kaum minority dan sa-belum itu oleh pemimpin Kerajaan Negeri Singapura juga pada masa yang lepas terdiri dari kaum² bukan bangsa Melayu, pada masa dahulu, daripada Lim Yew Hock dan juga pada mula-nya Dato' David Marshall. Walau bagaimana pun, apa boleh buat, kerana untok kebaikan negara seluroh-nya untok masa hadapan, maka saya bersetuju menyokong pindaan Bill yang di-hadapan kita pada hari ini.

Dato' Yang di-Pertua, saya menguchapkan sa-tinggi² terima kaseh kapada Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri, yang saya tahu, memberikan fikiran dalam hal perkara in dengan sa-halus²-nya bersama dengan rakan²-nya dalam Jema'ah Menteri dengan ada-nya beberapa ranchangan yang di-sediakan yang di-sebutkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi, telah pun di-persetujuï oleh Kerajaan Singapura sendiri bagi menghadapi berbagai² kesulitan kelak di-antara ra'ayat di-Singapura nanti, saperti peruntokan tanah di-negeri Johor sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh Timbalan Perdana Menteri tadi dan lain² juga, dan ini saya rasa sunggoh pun kita chuma berasa sangat terhutang budi dengan ada-nya niat baik Kerajaan di-Malaysia terhadap kita semua di-Singapura, saya berpendapat mungkin tidak banyak yang akan mengambil peluang² yang akan di-sediakan oleh Kerajaan Malaysia ini kerana kita perchaya, dan kita harap Kerajaan Singapura kali ini telah sedar dan akan melaksanakan dasar² demokrasi di-mana pehak² kechil, kaum minority, juga mendapat perhatian dan layanan yang sa-patut-nya. Sunggoh pun kita terpaksa berpisah, kita tetap berpegang kuat kapada keperchayaan perpaduan seluroh ra'ayat yang ta'at setia yang tidak berbelah bagi kapada Malaysia, terdiri daripada berbagai² kaum, sama ada daripada orang China, orang Melayu, orang India, orang Dayak dan lain² lagi. Dan kita anggap semua kaum² itu ada-lah saudara kita di-

dalam negara Malaysia ini. Dan kita harap, Dato' Yang di-Pertua, pada satu masa kelak segala fahaman² tidak sesuai dengan keadaan Malaysia ini kelak akan berubah dan satu masa kelak, keadaan itu akan puleh saperti sedia-kala di-mana kita mempunyaï keperchayaan ia-itu hidup di-dalam keadaan aman damai, harmoni antara semua kaum. Kita tahu ra'ayat seluroh-nya memandang Kerajaan Pusat di-Kuala Lumpur sa-bagai satu payong yang boleh melindong kita daripada panas dan lain²-nya dan saya perchaya sunggoh pun keadaan terpaksa di-buat saperti yang ada sekarang ini, ra'ayat Malaysia seluroh-nya tetap bersikap menumpukan pandangan kapada Kuala Lumpur bagi pusat untok mendapat keadilan dari apa segi pun.

Dato' Yang di-Pertua, timbul-nya kejadian yang kita hadapi sekarang ini memang satu perkara terkejut dan saya perchaya, bukan sahaja ra'ayat di-Singapura, bahkan ra'ayat seluroh Malaysia, sudah mengetahuï sikap pemimpin² Kerajaan Singapura itu. Bagaimana yang telah di-terangkan oleh Yang Teramat Mulia di-Dewan Ra'ayat pada pagi ini yang telah mengikuti keadaan² di-Singapura yang di-buat oleh Enche' Lee Kuan Yew yang menjalankan di'ayah-nya bukan sahaja melaluï alat V.H.F.-nya, melaluï T.V., melaluï Radio dan sa-tengah² akhbar, bahkan juga dengan beruchap di-tempat² yang di-lawati-nya, dan uchapan itu bukan mendatangkan kebaikan, bukan mendatangkan perpaduan kapada seluroh kaum, bahkan menimbulkan perselisehan antara kaum, dan tentu-lah kita maseh ingat perkara kejadian di-Singapura pada tahun lepas pada bulan Julai dan September tahun dahulu di-mana belum pernah terjadi dalam negara Malaysia ini, baik di-zaman penjajahan dahulu atau pun sa-masa Singapura berkerajaan sendiri, sa-masa Kerajaan yang di-pimpin oleh Dato' David Marshall atau pun Lim Yew Hock. Walau bagimana pun ra'ayat maseh menumpukan harapan pada satu masa kelak dapat di-perbaiki keadaan yang ada sekarang ini. Dan saya perchaya dari satu ka-satu masa Kerajaan Pusat sentiasa mengikuti keadaan itu dan berikhtiar menchari jalan dapat memperbaiki-nya, tetapi oleh sebab keadaan yang ada pada diri Enche' Lee Kuan Yew barangkali tidak sabar lagi, tidak puas hati dengan di'ayah² di-Pulau Singapura dan ber-ikhtiar pula menjalankan di'ayah² itu di-tanah besar Malaysia sa-lain daripada Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah, menjalankan juga di-luar² negeri yang di-sebutkan sa-bentar tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri—di-Australia dan di-New Zealand dan lain²-nya—dan membasoh fikiran murid² atau penun-tut² Malaysia di-luar negeri.

Sunggoh pun saya perchaya sikap ini telah di-fikirkan dengan teliti-nya dan di-chari jalan yang baik-nya, tetapi tidak nampak, melainkan sikap yang kita ambil sekarang ini dengan memisahkan Singapura. Sunggoh pun, barangkali pandangan yang di-sebut-kan oleh wakil ra'ayat dari Bungsar pada pagi ini yang hendak memperta-hankan Kerajaan P.A.P. di-Singapura yang mengatakan ada-nya extremist, atau pun ultras di-dalam Parti Perikatan yang memerentah Malaysia seluroh-nya, tetapi yang sa-benar-nya, saya perchaya keadaan² extremist, atau ultras itu ada, bukan-nya dalam Perikatan, bahkan ada di-dalam Parti P.A.P. sendiri. Itu-lah sebab-nya maka timbul perkara ini dengan ta' menghiraukan nasib ra'ayat masa hadapan, nasib negara pada masa hadapan, dan menimbulkan perkara² yang telah lepas menudoh Kerajaan Perikatan, satu Kerajaan yang tidak demokrasi. Saya suka mengingatkan wakil ra'ayat dari Bungsar yang baharu beruchap pada pagi tadi di-Dewan Ra'ayat, mengapa beliau pada masa dahulu berjanji kapada ra'ayat Singapura di-kawasan Moulmein hen-dak bertanding di-sana, tetapi pada satu masa pula menghampakan pengundi² di-kawasan itu dengan meninggalkan Singapura dan datang ka-Malaya bertanding di-sini. Peng-undi² di-kawasan Moulmein mengundi kapada isteri Yang Berhormat Enche' Devan Nair ini, bukan mengundi ka-

pada isteri dia, kerana beliau berjanji pada ketika itu yang beliau bukan ra'ayat Singapura dan tidak dapat bertanding di-sana, maka beliau akan berikhtiar mendapatkan kera'ayatan Singapura, maka "undi-lah isteri saya pada masa ini," kata-nya. "Apakala mendapat kera'ayatan kelak, saya akan meminta isteri saya meletakkan jawatan-nya, dan saya akan bertanding sa-mula dan pada kali itu hendak-lah pengundi² mengundi saya."

Ini yang di-janjikan oleh Enche' Devan Nair pada ketika itu kapada pengundi² di-kawasan Moulmein samasa pilehan raya besar di-Pulau Singapura. Saya menyebutkan perkara ini, kerana Ahli Yang Berhormat dari Bungsar tadi mengatakan yang dia bukan pengechut, tetapi saya mengatakan yang beliau pengechut, kerana lari dirapada kawasan yang di-janjikan nya, menghampakan, membohong apa yang di-katakan-nya dan apa yang di-tudoh oleh wakil ra'ayat dari Bungsar tadi yang mengatakan Kerajaan Perikatan di-sini tidak demokratik, mengapa kalau beliau tidak boleh bertanding di-sana—boleh bertanding di-sini, di-mana lebeh democracy, sama ada di-Singapura, atau pun di-Malaysia? Dan kalau hendak di-terangkan lebeh lanjut lagi, Tuan Yang di-Pertua, sa-tengah² daripada di'ayah yang di-jalankan oleh Kerajaan Singapura membasoh fikiran ra'ayat di-Singapura dan Malaysia seluroh-nya melaluï berbagai² alat, saperti yang saya sebutkan tadi, juga dengan menggunakan berbagai² chara, saperti menyebarkan Majallah Malaysian Mirror, atau Chermin Malaysia kapada seluroh ra'ayat dan kapada penuntut², kapada sekolah² di-seluroh Malaysia ini, dan kita tahu-lah semua kandongan isi-nya itu ada-lah dusta dan bohong, tetapi tidak menchukupi dengan itu, ada pula lagi Majallah yang di-namakan Majallah Petir yang di-anggap-nya Lidah Rasmi Parti Petir, dan ini bukan sahaja segala isi kandongan-nya dusta dan bohong, bahkan kotor, dengan erti kata public sa-kotor²-nya isi kandongan Majallah Petir yang di-katakan Lidah Rasmi Kerajaan Petir ini.

Jadi, tidak-lah hairan sikap yang di-ambil oleh Kerajaan Malaysia untok memisahkan Singapura daripada Malaysia, kerana bukan hendak mengekalkan pegangan kuasa, kerana saya perchaya Kerajaan Perikatan berasa bertanggong-jawab kapada ra'ayat, bukan sahaja masa ini, bahkan masa hadapan.

Kerajaan Perikatan perchaya, Kerajaan Perikatan bertanggong-jawab supaya kekal perpaduan baik antara semua kaum yang tinggal di-negara Malaysia ini sa-bagaimana masa² yang lepas, kerana kita tinggal dengan baik-nya antara kaum bukan baharu ini, bahkan pada zaman bapa kita, dato' nenek kita, hidup dengan baik dan sentiasa berperasaan persaudaraan. Tetapi sangkaan ini timbul-nya semenjak Kerajaan P.A.P. ta' dapat bersama² dengan Kerajaan Perikatan untok memerentah, atau menguasaï Malaysia. Itu-lah baharu timbul perasaan ini di-mana kebenaran, saya rasa patut-lah bagi pehak akhbar² yang ada perutusan di-luar negeri, menerangkan dengan sa-benar-nya keadaan di-Malaysia ini, tidak sa-bagaimana yang di-di'ayahkan oleh berita² daripada Singapura itu tadi.

Lagi sa-kali, Tuan Yang di-Pertua, saya menegaskan, sunggoh pun saya rasa ini-lah kali yang akhir-nya bagi saya sa-bagai Ahli Dewan ini beruchap di-sini dan sa-lepas ini ta'-lah lagi saya berhak berkata apa² di-dalam Dewan ini; ini saya menguchapkan terima kaseh kapada Tuan Yang di-Pertua dan rakan² saya yang memberikan sokongan dan juga sa-tengah-nya ada yang memberikan pimpinan kapada saya sa-masa saya menjadi Ahli Dewan ini, dan akhir-nya, saya dengan tegas-nya menyokong Bill ini supaya di-luluskan untok keselamatan ra'ayat dan negara seluroh-nya. (*Tepok*).

**Dato' T. H. Tan:** Mr President, Sir, I rise to support the principles embodied in the Bill before the Senate.

Human nature is such that the person is inclined to feel sad over a separation, whether in the affairs of a married couple or in the affairs of the

nation. And, therefore, I was not in the least surprised to hear such sentiments expressed in the Dewan Ra'ayat earlier today. However, it is not unknown in human affairs that separation has proved to be the best solution and has proved also to be for the good of all concerned.

